

27 SEP 2002

AMMB-PENSTRUKTURAN/I

AMMB TUMPU PENSTRUKTURAN DALAMAN

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- AMMB Holdings Bhd sedang menumpu kepada penstrukturan dalaman termasuk penggabungan antara bank perdagangan dengan syarikat kewangan dan antara bank pelaburan dengan firma broker saham.

"Kami sedang mencerna MBf Finance. Kami mahu teruskan dan mendapat faedah daripadanya," kata Pengerusi Eksekutif Tan Sri Azman Hashim kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan syarikat itu di sini hari ini.

AMMB memperoleh MBf Finance Bhd untuk RM925 juta pada Dis. tahun lepas. MBf Finance telah digabungkan dengan syarikat kewangan AMMB dan ditukar nama kepada AmFinance Bhd. AmFinance diletak di bawah AMFB Holdings Bhd.

Azman berkata telah berlaku perubahan besar dalam struktur kumpulan AMMB dan ia masih menunggu kelulusan bank pusat untuk menggabungkan sayap perbankan perdagangan, AmBank Bhd, dengan syarikat kewangan yang diletakkan di bawah AMFB.

"Penggabungan syarikat kewangan dan bank perdagangan akan berlaku. Hanya masa yang menentukan. Ia terpulang kepada bank pusat," tambahnya.

Penggabungan akan datang dalam kumpulan itu adalah antara bank pelaburan, AmMerchant Bank Bhd, dengan firma broker saham yang diletak di bawah AmSecurities Holding Sdn Bhd, katanya.

Semua ini adalah untuk kebaikan kumpulan, untuk menjadikan operasinya lebih cekap, berkesan dan bersinergi, tambahnya.

Azman juga berkata unit perbankan runcit kumpulan itu kini dalam proses mendapatkan pekerja bagi membolehkannya melancarkan "bancassurance" Mac tahun depan.

Tentang sasaran pertumbuhan pinjaman AMMB, beliau yakin ia akan mencapai pertumbuhan empat peratus pada tahun kewangan berakhir 31 Mac 2003.

Pertumbuhan pinjaman kumpulan bagi empat bulan pertama berada pada 2.5 peratus dengan pertumbuhan mengikut sektor adalah berbeza.

Di bahagian runcit, beliau berkata pertumbuhan pinjaman kini hampir 10 peratus pada empat bulan pertama dengan pertumbuhan pinjaman kereta pada 11 peratus dan perumahan di sekitar tujuh hingga lapan peratus.

Tentang pinjaman korporat, beliau berkata AMMB sedang menarik lebih ramai pelanggan ke pasaran bon. "Jika anda lihat aliran di seberang laut, terdapat peralihan daripada pinjaman kepada bon," katanya.

Kumpulan itu juga akan terus menumpu kepada operasi domestik dan bukan di seberang laut. "Kami perlu memastikan kedudukan kami di Malaysia selamat. Tetapi ia tidak bermakna kami tidak akan menerokai kemungkinan ke seberang laut," tambahnya.

Azman juga diminta mengulas tentang penggabungan sistem perbankan akan datang di negara ini, di mana beliau berkata: "Penggabungan ini, seperti yang kerajaan katakan, akan dipandu oleh kuasa pasaran.

"Tetapi pada masa depan, siapa tahu?. Kini, apa sahaja boleh berlaku kerana berlaku dengan pantas. Senario berubah dan strategi perubahan juga berubah," katanya.

Tentang rancangan persaraan, Azman yang telah berada dalam bidang perbankan sejak menyertai bank pusat 1960, berkata beliau belum berhasrat untuk meninggalkan industri ini.

"Saya belum memikirkan untuk meninggalkan industri ini.

"Tetapi seperti juga PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah mengumumkan akan bersara tahun depan), satu hari nanti saya akan

pergi. PM berusia 77 tahun, jadi saya ada 14 tahun lagi jika saya hendak ikut beliau.

"Kenapa tidak, beliau merupakan benchmark yang bagus," katanya. --
BERNAMA

MSL KTC JR